

Tempoh DEB

tidak penting

BH 9 OCT 1986

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengulangi jaminan bahawa pandangan semua peringkat dan golongan masyarakat, khususnya parti-parti komponen BN, akan dipertimbangkan sebelum keputusan melanjutkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) diambil.

Beliau berkata, sebenarnya tempoh pelaksanaan DEB tidak penting kerana yang lebih penting ialah usaha ke arah mencapai matlamatnya untuk terus mengurangkan keadaan tidak seimbang antara kaum di negara ini.

Oleh itu, kerajaan akan meneruskan usaha-usaha itu walaupun selepas 1990, untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi mencapai perpaduan kaum.

Sudah wujud

"Strategi, rancangan dan dasar-dasar ekonomi yang baru akan dirangka untuk meneruskan lagi usaha mengatasi ketidakseimbangan yang wujud," katanya menjawab soalan Encik Lee Lam Thye (DAP-Bukit Bintang) di Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan DEB setakat ini jelas menunjukkan bahawa kedua-dua kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera mencapai kemajuan menggalakkan, terutama dalam bidang ikhtisas.

Katanya, sehingga tahun lalu, 21 peratus daripada bahagian pekerjaan profesional dan berpendapatan tinggi dipegang oleh kaum Bumiputera, sementara kaum Cina memegang 62 peratus dan India 14 peratus.

Dalam sektor korporat pula, pemilikan Bumiputera meningkat daripada hanya dua peratus pada awal pelaksanaan DEB kepada 18 peratus tahun iaitu, sementara pemilikan kaum lain meningkat daripada 34 peratus kepada 57 peratus dalam tempoh yang sama.

"Tidak dapat dinafikan bahawa hari ini satu tahap perpaduan sudah wujud di negara kita hasil daripada DEB, yang bertujuan memastikan bahawa keseimbangan serta keadilan sosial dan ekonomi dipelihara," katanya.

Menjawab soalan tambahan Encik P Patto (DAP-Ipoh), Perdana Menteri berkata, DEB belum dapat mencapai matlamat sepenuhnya kerana perlaksanaannya belum sampai ke kemuncaknya.

Selain itu, kelembapan pertumbuhan ekonomi juga menjejaskan pelaksanaan dasar itu, katanya.

Mengenai penyertaan kaum dalam sektor perkhidmatan awam, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata ia tidak boleh dijadikan ukuran mengenai keseimbangan kegiatan antara kaum di negara ini kerana ia hanya membabitkan 890,000 orang sahaja, sedangkan rakyat Malaysia berjumlah lebih 13 juta.

Menjawab soalan Encik Karpal Singh (DAP-Jelutong), Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan buat masa ini tidak berancang meminda Perkara 48(1)(E) Perlembagaan Persekutuan bagi maksud merangkumi kesalahan yang dilakukan di luar negara.

Katanya, oleh itu, rakyat negara ini tidak boleh dikira bersalah di Malaysia di atas sebarang kesalahan yang dilakukannya mengikut undang-undang negara lain.